

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HMT508 – Sosiolinguistik dan Psikolinguistik Bahasa Melayu Lanjutan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.
2. **Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.**
3. Jawab mana-mana DUA (2) soalan yang lain daripada Bahagian B.
4. Anda dikehendaki menyerahkan kedua-dua kertas soalan dan jawapan. Kertas soalan dan buku jawapan hendaklah diikat bersama-sama.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A: **Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.**

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan secara kritis TIGA hipotesis utama agramatisme yang dikenalpastikan oleh Linebarger (1995).

[12 markah]

[b] Hubung kaitkan defisit kecekapan dan kekangan prestasi dalam [a] dengan pemahaman ayat agramatik dan pertimbangan tatabahasa.

[13 markah]

2. Nilaikan secara kritis Prinsip Pengendalian Slobin (1973, 1985a) sebagai suatu prinsip yang menawarkan kemungkinan memaparkan proses pemerolehan bahasa seseorang kanak-kanak.

[25 markah]

- 3 -

Bahagian B: Jawab mana-mana DUA (2) soalan.

3. Dengan menggunakan DATA 1, jawab [a] hingga [c].

DATA 1

Badan kita terdiri dari jutaan sel. Sel-sel berkumpul membentuk lapisan demi lapisan. Lapisan sel inilah yang akhirnya membentuk tisu dan organ seperti jantung, kulit dan hati. Sel seolah-olah sebuah rumah yang mempunyai komponen yang sentiasa bekerja tanpa henti. Mitokondria, jasad Golgi, ribosom, nukleus, dan sitoplasma bekerja 24 jam sehari selama 7 hari seminggu. Untuk bekerja secara normal, sel memerlukan tenaga yang diambil dalam bentuk tenaga ATP (Adenosine-5'-triphosphate). Sel juga memerlukan oksigen, fosfat, kalsium dan bahan makanan sebagaimana kita. Setiap apa yang kita makan akan disalurkan kepada sel-sel tertentu mengikut pengkhususan kerja mereka. Namun jika berlaku sebarang masalah dan bekalan ini tidak mencukupi, sel akan mati. Boleh dikatakan bahawa kematian bermula apabila roh dikeluarkan dari jasad. [i] Jasad adalah pakaian roh. Maka apabila manusia mati, jantung berhenti mengepam darah ke seluruh badan. Sel-sel badan tidak lagi menerima oksigen yang diangkut oleh darah. Akibat ketiadaan oksigen, semua sel akan mati. Kematian sel bermula pada sel otak dan berakhir pada sel kulit. Dalam beberapa minit darah akan mengalir dari bahagian atas ke bahagian bawah dan berkumpul di situ akibat tarikan graviti bumi. Bahagian atas yang ketiadaan darah kelihatan pucat manakala bahagian bawah menjadi lebih gelap. Tempoh perubahan badan adalah berbeza-beza. Sel otak akan mati jika ia mengalami kekurangan oksigen selama tiga minit. Sel otot boleh bertahan setelah beberapa jam manakala sel tulang serta kulit boleh bertahan berhari-hari lamanya. Perlu diketahui bahawa badan bernafas secara aerobik iaitu dengan menggunakan oksigen. Maka apabila mati, proses respirasi aerobik akan terhenti dan menghalang penghasilan tenaga molekul yang diperlukan untuk melakukan tindakbalas biokimia otot. Ion kalsium akan bergerak ke sel-sel otot bagi menghalang otot berehat atau mengendur. Tapi apa yang berlaku ialah otot menjadi kaku dan keras, tidak bergerak lagi. Sel telah mati. Tidak mampu melawan bakteria daripada memusnahkan dirinya. Enzim dan bakteria sebenarnya sudah wujud dalam sel semasa kita masih hidup lagi. Oleh sebab itulah, [ii] diriwayatkan jika kita ditemukan dengan tanda berupa denyutan atau kedutan di antara dahi kanan dan kiri menandakan kematian kita akan terjadi dalam beberapa hari lagi, kita digalakkan berpuasa supaya badan kita tidak mengandungi banyak kotoran dan ini memudahkan memandikan mayat kita nanti.

(sumber: <https://www.majalahsains.com/mati-dari-sudut-sains/>)

...4/-

- 4 -

- [a] Dengan menggunakan kaedah jadual berlabel lengkap, senaraikan kata pinjaman dalam DATA 1. Kata yang berulang hanya disenaraikan sekali.

[7 markah]

- [b] Kenal pasti laras bahasa yang digunakan. Bincangkan LIMA ciri yang memperlihatkan laras bahasa ini daripada sudut morfologi dan sintaksis. Sertakan contoh yang bersesuaian.

[10 markah]


- [c] Dengan menggunakan bahagian bergaris, huraikan secara ringkas dan padat mengapa penulis memilih untuk menggunakan bentuk ini bagi laras yang dikenal pasti dalam [b].

[8 markah]

- 5 -

4. Dengan menggunakan GAMBAR 1, jawab soalan [a] hingga [c].

GAMBAR 1



Sumber: Facebook

- [a] Dengan menggunakan kaedah jadual berlabel lengkap, senaraikan perkataan yang diringkaskan dalam GAMBAR 1. Perkataan yang berulang hanya disenaraikan sekali.

[7 markah]

...6/-

- 6 -

- [b] Dengan menggunakan maklumat dari [a] dan GAMBAR 1, kenal pasti bentuk bahasa yang digunakan dari sudut ejaan. Bincangkan lima proses pembentukan kata untuk bentuk bahasa yang dikenal pasti. Sertakan contoh yang bersesuaian.

[10 markah]

- [c] Kenal pasti contoh yang melambangkan katabuan bahasa dalam Gambar 1, bincangkan kewajaran penggunaan ini.

[8 markah]

...7/-

- 7 -

5. Dengan menggunakan DATA 2, jawab soalan [a] dan [b].

DATA 2

IBUBAPA SYUKUR SEDANG BERBUAL-BUAL DI RUMAH.

ZAKIAH: (MEMANGGIL) bang... kenapa abang termenung ni...

PAK SAPAR: (MENGELUH) Oh....!!! tak adalah Kiah, eh... mana Syukur, tak nampak batang hidung anak tu. Yang lain-lain masih di sekolah ke?

ZAKIAH: Ya.... bang. Syukur? Entahlah bang. Tadi katanya ada kawannya mengajak dia ke bandar, sambil itu mencari kerja.

PAK SAPAR: Eloklah itu, nak temankan abang pun payah juga. Kiah, abang ni berfikir-fikir sudah dua minggu abang tak ke laut. Bila sahaja musim tengkujuh, risau abang dibuatnya.

ZAKIAH: (MEMUJUK) Sabar aje, bang! Kiah bukan tak suruh abang ke laut, tapi... bang, Kiah risau dengan keselamatan abang. Cuaca pada masa ini tak menentu.

PAK SAPAR: Abang ingat hendak ke lautlah. Subuh esok! Mudah-mudahan laut tak bergelora lagi.

ZAKIAH: (MELARANG) Eh... bang, janganlah bang. Kiah tak kira, bang. Abang janganlah pergi. Janganlah bang. Kiah takut macam kejadian dua minggu lepas.

PAK SAPAR: Ajal maut di tangan Tuhan, Kiah. Bukan kita yang menentukan.

ZAKIAH: Itu Kiah tahu lah, bang... Tapi kalau laut bergelora pun takkan hendak direda jug. Kerana abang degil, sikit lagi perahu abang terbalik. Janganlah pergi ya... bang... ya...

PAK SAPAR: Kiah... Kiah ... abang risaulah. Simpanan makanan kita semakin merosot. Duit pun tinggal berapa ringgit sahaja. Abang ada juga minta tolong daripada Abang Leman dan Kak Biah, tapi mereka pun susah macam kita juga.

ZAKIAH : Sabarlah bang ...

PAK SAPAR: Kiah, kalau macam itu, abang fikir esok abang mahu cuba lagi pinjam duit daripada si Ah Wong. Esok abang ke sana.

ZAKIAH: Suka hati abanglah.

(ubah suai daripada: <http://lelatukelipkelip.blogspot.com/2010/05/skrip-drama-upk-2007.html>)

...8/-

- 8 -

- [a] Dengan menggunakan bentuk panggilan dalam DATA 2, bincangkan kesopantsunan penggunaannya.

[10 markah]

- [c] Kenal pasti dan bincangkan komponen S.P.E.A.K.I.N.G dalam DATA 2. Sertakan jadual pengenalpastian berlabel yang lengkap.

[15 markah]

- oooOooo -